

Adab Masyarakat Melayu Lama dalam *Hikayat Hang Tuah*

Old Malay Community Manners in *Hikayat Hang Tuah*

MOHD ROSLI BIN SALUDIN & MUHAMMAD SUFI BIN AHMAD NAZRI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan meneliti unsur adab dan tatacara kehidupan orang Melayu terdahulu yang terdapat dalam teks Hikayat Hang Tuah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis amalan adab yang wujud dalam teks Hikayat Hang Tuah. Kajian ini menggunakan teori kajian budaya (cultural studies theory) sebagai sokongan dan hujah. Teori ini mengkaji segala tindakan manusia memasuki dan membentuk masyarakatnya. Dapatkan kajian mendapati banyak unsur adab dalam kalangan masyarakat Melayu lama yang wujud dalam teks hikayat tersebut. Unsur adab tersebut merangkumi adab masyarakat dalam bersosial. Unsur adab ini menepati kehendak prinsip teori yang digunakan. Implikasi kajian ini adalah sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat, para pengkaji, dan ilmuwan dalam meneliti kandungan penting dalam teks Hikayat Hang Tuah. Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada umum mengenai amalan adab orang Melayu terdahulu dalam kehidupan sehari-hari.

Kata kunci: *Hikayat Hang Tuah; amalan adat; sosial*

ABSTRACT

This study aims to analyse and examine the elements of manners and practices of the early Malay life contained in the text of Hikayat Hang Tuah. The objective of the study is to identify the types of manners that exist in the text of Hikayat Hang Tuah. This study chose to use cultural studies theory as the support and argument in this study. This theory examines all human actions entering and forming the community. The findings show that many of the elements of manners in the old Malay community exist in the texts of the hikayat. The elements of manners include manners of the society in socializing. This element related to the theory used. The implications of this study areas a guide and reference to the community, scholars, and scientists in examining the essential content of Hikayat Hang Tuah text. In addition, this study can also be used as a guide to the public on the practice of the early Malays in everyday life.

Keywords: *Hikayat Hang Tuah; norm law; social*

PENGENALAN

Sebuah hikayat atau epik yang menceritakan mengenai kewujudan pahlawan yang menjadi ikon dan simbol kepada negara sememangnya wujud. Hikayat dan epik ini bukanlah hanya terkenal dalam kalangan masyarakat orang Melayu malah juga terkenal di negara Barat, Timur maupun seluruh dunia. Kita sering mendengar dan percaya bahawa wujudnya sebuah karya besar yang hebat dalam sastera India seperti epik *Ramayana* dan *Mahabharata*, dalam epik Yunani yang dikenali sebagai *Iliad* dan *Odyssey*, sastera Inggeris pula dikenali sebagai epik *Beowulf* dan *Paradise Lost*. Epik *Gilgamesh* dari Mesopotamia atau Iran di masa kini. Begitu juga sastera Melayu yang dikenali kini

sebagai epik atau *Hikayat Hang Tuah*. Ini semua merupakan karya sastera atau hikayat dan epik yang menceritakan tokoh-tokoh yang dianggap wira negara dan memberi sumbangan besar kepada pembentukan tamadun.

Ada yang menganggap hikayat dan epik ini adalah cerita rakyat. Malah ada juga yang menganggap ia adalah sebuah novel klasik dan kesemuanya adalah cerita dongeng. Tidak dinafikan memang ada unsur dongeng dalam sesebuah cerita, kerana hikayat adalah bukan sejarah. Jika mahu mengambil keseluruhan fakta sejarah daripada hikayat maka ini tidak tepat. Tetapi, jika dinilai unsur sastera, nilai, gaya bahasa, soal politik, kepimpinan, kepahlawanan, patriotisme, jati diri dan kenegaraan maka hikayat adalah tempatnya.

Benar, jika menyebut hikayat maka mesti ada unsur dongeng dalam menguatkan watak yang disanjung. Tetapi unsur sejarah mengenai tarikh kewujudan zaman tersebut, cara hidup, cara pemerintahan dan cara berperang boleh diambil kira dalam hikayat tersebut. Fakta mendapati epik dan hikayat mengenai kewujudan pahlawan pada era tertentu memang selari dengan catatan sejarah.

Sebagaimana fakta kewujudan Hang Tuah telah berjaya dibuktikan berdasarkan dokumen primer yang ditemui apabila kajian menemui 19 pucuk surat daripada kerajaan Ryukyu Jepun kepada kerajaan Melaka dan 11 surat daripada Melaka kepada Ryukyu. Dokumen yang tercatat daripada Melaka secara langsung berkaitan dengan Laksamana Hang Tuah bertarikh 1580 dan 1481 (Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin 2015). Bukti ini telah mengangkat martabat kewujudan pahlawan Melayu sebagaimana masyarakat percaya kewujudan lagenda dunia Alexander the Great, Julius Caesar dan Laksamana Zheng He (Cheng Ho). Bukti sebegini lebih membuka mata masyarakat mengenai epik sastera yang wujud bukanlah suatu dongengan semata-mata. Dewasa ini epik klasik telah mendapat tumpuan masyarakat dan dunia khususnya.

PENYATAAN MASALAH

Dalam kehidupan sosial kini, masyarakat dilihat kurang menghayati teks sastera klasik yang menukilkan tentang adab masyarakat Melayu dahulu kala. Bagaimana pengamalan adab masyarakat Melayu terdahulu merangkumi tatacara kehidupan dan adat istiadat. Perkara ini secara tidak langsung akan membuatkan masyarakat Melayu buta terhadap amalan tradisi dan adab asal usul mereka. Sedangkan identiti bangsa sepatutnya dipelihara dan diamalkan oleh generasi akan datang. Identiti Melayu seharusnya tidak lenyap ditelan zaman. Adab atau tingkah laku masyarakat harus dikaji dengan cara meneliti amalan adab masyarakat kini dan terdahulu.

Justeru, bagi mendedahkan kepada masyarakat supaya mengetahui amalan adab masyarakat Melayu terdahulu maka satu kajian yang mendalam berkaitan dengan adab masyarakat Melayu lama yang wujud dalam teks *Hikayat Hang Tuah* perlu dikaji dan diteliti. Kajian ini yang hanya berfokus kepada adab atau tingkah laku masyarakat Melayu lama yang wujud dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Penceritaan hikayat yang merangkumi kehidupan masyarakat Melayu terdahulu menarik minat

pengkaji untuk menyelidik lebih mendalam mengenai keluhuran adab atau tingkah laku yang wujud dalam jiwa masyarakat Melayu terdahulu. Amalan adab yang dikaji ini dijadikan sebagai kayu pengukur kepada kejayaan empayar Melayu Melaka. Cara amalan adab apakah yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu sehingga kita boleh menilai empayar Melaka telah mencapai sebuah negara yang mempunyai peradaban dan ketamadunan yang tinggi.

DEFINISI KONSEP DAN OPERASIONAL

ADAB

Adab bukanlah satu istilah yang baharu dalam dunia ketamadunan. Istilah yang digunakan bagi menggambarkan keilmuan mahupun kejahiran sesuatu masyarakat. Adab dan peradaban mempunyai maksud yang berbeza keduanya. Peradaban memberi maksud dalam konteks yang amat luas dalam erti kata yang sebenar. Jika kita melihat maksud nilai peradaban sendiri yang merangkumi pencapaian sesebuah masyarakat atau negara yang maju dan aman sejahtera. Negara atau masyarakat yang mencapai nilai peradaban yang tinggi merupakan masyarakat yang mempunyai keilmuan yang tinggi dalam pelbagai aspek atau lebih tepat sudah terkeluar daripada kelompok jahiliah.

Manakala adab pula mempunyai nilai dan maksud yang tersendiri. Adab boleh didefinisikan sebagai tingkah laku serta tutur kata yang halus, sopan, budi bahasa dan budi pekerti yang halus. Adab juga merupakan perkataan asal yang dipinjam daripada perkataan bahasa Arab memberi makna secara *harfiah* ialah prinsip bertingkah laku (Mohd Koharuddin Mohd Balwi 2005). Jadi kata adab bererti perilaku, perbuatan, kesantunan, moral, sopan santun, kesusahaaman, kemanusiaan. Norma tentang erti kata adab ini digunakan dalam pergaulan antara manusia, antara tetangga dan antara kaum. Tafsiran mengenai adab ini jelas merangkumi aspek perilaku manusia sama ada diterima dalam norma masyarakat ataupun tidak.

Dalam konteks Islam, adab juga mempunyai pengertian yang luas. Menurut *A Dictionary of Islam* (1885:10) adab bermaksud *discipline of the mind and manners, good education and good breeding, politeness, deportment, a mode of conduct or behaviour* (Jelani Harun 2003). Petikan ini merupakan tentang makna adab dalam tradisi pemikiran Islam yang berkaitan dengan panduan dan pendidikan

tingkah laku manusia. Maksud adab menurut petikan pemikiran Islam di atas menepati konteks kajian yang dilakukan. Sebagaimana pandangan alam Islam yang memberi definisi adab merupakan sebuah kelakuan yang betul yang menuntut pengawalan diri sendiri dengan pengawasan yang berasaskan ilmu dan bersumberkan hikmah (Mohd Zaidi Ismail 2012).

Adab masyarakat Melayu yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah* boleh dijelmakan melalui pelbagai aspek. Berdasarkan kepada sumber makna adab itu merupakan tingkah laku atau amalan, maka dalam *Hikayat Hang Tuah* telah wujud amalan atau tingkah laku yang sopan dan diterima oleh norma masyarakat. Amalan atau akhlak yang diamalkan ketika itu jelas dipengaruhi oleh satu budaya Islam akibat daripada pengaruh empayar Islam yang berkembang ketika itu. Sebagai contoh, adab orang Melayu dalam seni bela diri, adab dengan pemimpin atau raja, adab berguru, adab bersahabat, adab berkeluarga, adab berpakaian, adab pertuturan dan adab dalam pergaularan masyarakat.

TINJAUAN LITERATUR

KAJIAN BERKAITAN ADAB DAN HIKAYAT HANG TUAH

Pengkaji telah mencari kajian terdahulu yang bukan hanya tertumpu kepada *Hikayat Hang Tuah* semata-mata tetapi kajian ini meneliti hasil kajian yang berkaitan dengan tajuk yang dilakukan. Hal ini tidaklah tertumpu kepada *Hikayat Hang Tuah* semata-mata malah kajian mengenai adab juga diambil kira. Oleh itu, kajian-kajian lepas dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian ini dengan merujuk kepada beberapa buah buku, dan jurnal.

BUKU

Dalam usaha mencari sumber bagi menghasilkan sesuatu kajian yang baik dan berkualiti, buku merupakan rujukan yang dominan digunakan dalam kajian ini bagi melaksanakan kajian dan menyokong sesuatu idea. Kajian yang mengetengahkan aspek adab, peradaban dan *Hikayat Hang Tuah* didapati banyak sumber dalam buku yang ditulis oleh ramai sarjana. Sebagai contoh yang pertama, kajian mengenai adab dan peradaban juga telah dikaji oleh ramai cendekiawan. Kebanyakan mereka telah mengutarakan pendapat dan definisi mengenai maksud adab dan peradaban dalam konteks yang sebenar. Mohd Zaidi Ismail dan Wan

Suhaimi Wan Abdullah (2012) dalam penjelasan beliau adab dianggap sebagai kelakuan yang betul, adab menuntut pengawalan diri sendiri dengan pengawasan yang berasaskan ilmu dan bersumberkan hikmah. Peradaban pula mengungkapkan kehalusan tatasusila dan keluhuran kebudayaan sesuatu masyarakat insan. Beliau membuat kesimpulan bahawa peradaban tidak akan dicapai melalui sikap biadab anarki intelektual. Pandangan mengenai adab dan peradaban yang diutarakan seolah-olah mempunyai perkaitan yang tidak boleh dipisahkan. Buku yang menjelaskan mengenai adab dan peradaban ini menjadi sumber rujukan kepada pengkaji dalam mendefinisikan maksud adab dalam konteks yang sebenar.

Selain itu, kajian buku yang lebih spesifik yang membicarakan mengenai adab atau nilai atau tingkah laku masyarakat Melayu yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah* juga didapati oleh pengkaji. Buku yang mengkaji mengenai adab yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah* ini dilihat lebih spesifik dan membantu pengkaji dalam menguatkan hujah dan isi kajian. Hanapi Dollah (dalam Rogayah A. Halim 2004) ada membahaskan tentang budaya atau cara hidup masyarakat Melayu dalam *Hikayat Hang Tuah*. Menurut beliau budaya ini merujuk kepada etos atau sistem nilai. Nilai ini dianggap sebagai inti sesebuah negara. Cohen L, L. Manion and Morrison K. (2000) menganggap analisis sesebuah masyarakat tidak lengkap tanpa mengkaji sistem nilainya. Maka itu, beliau meneliti sistem nilai ini dengan melihat perkaitan dengannya, seperti kepercayaan, adat, kekeluargaan dan upacara.

Terdapat juga kajian daripada Noriah Mohamed (dalam Rogayah A. Halim 2004) yang mengkaji berkaitan keperibadian tokoh Hang Tuah. Kajian tersebut mengetengahkan berkaitan adab, tingkah laku dan sifat baik yang ditonjolkan oleh Hang Tuah dalam perwatakan beliau. Keunggulan sifat tersebut berfokus kepada sikap keperibadian Melayu yang wujud. Sebagai contoh sikap ketiaatan yang diamalkan oleh masyarakat dahulu kala. Begitu juga sikap dalam pencarian ilmu yang ditonjolkan oleh Hang Tuah. Hang Tuah yang mempelajari pelbagai ilmu dan boleh bertutur dalam banyak bahasa menunjukkan beliau seorang yang dahagakan ilmu. Daripada segi soal penampilan diri juga Hang Tuah juga masih bercirikan Melayu secara fizikal dan tidaklah cuba untuk mewarnakan rambutnya atau cuba memakai kalung, subang atau gelang yang begitu asing bagi lelaki. Hang Tuah yang pernah bertembung dengan bangsa Cina, India, Arab dan

etnik lain di Nusantara namun Hang Tuah masih tetap dengan penampilan diri beliau.

JURNAL

Selain buku, kajian ini juga menggunakan jurnal sebagai rujukan kajian. Pengkaji mendapat terdapat jurnal yang membicarakan mengenai adab masyarakat dalam *Hikayat Hang Tuah*. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Haron Daud (2001) yang menceritakan tentang kegemilangan dan jati diri orang Melayu yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah*. Beliau membicarakan mengenai adab yang harus dicontohi seperti watak Hang Tuah dan Hang Jebat begitu mentaati raja dan pemimpin. Begitu juga dengan masyarakat Melayu terdahulu yang mempunyai sifat yang gagah, berani dalam mempertahankan negara daripada penjajah. Dengan sifat tersebut orang Melayu terdahulu digeruni dan mempunyai negara kota sendiri dan sebuah empayar yang kuat. Sebagai contoh Langkasuka, Kedah, Palembang dan Melaka adalah negara kota Melayu. Mesej yang ingin disampaikan oleh pengkaji adalah mengenai adab, tingkah laku dan keunggulan jati diri orang Melayu.

Begitu juga terdapat jurnal yang membicarakan mengenai *Hikayat Hang Tuah* iaitu Tengku Marlina Tengku Mohd Ali (2013) yang mengetengahkan bahawa *Hikayat Hang Tuah* sebagai epik yang menceritakan tentang kebesaran sultan atau raja dan kesetiaan rakyat terhadap raja-raja Melayu. Beliau juga menganggap *Hikayat Hang Tuah* sebagai epik Melayu asli yang terbesar. Epik dalam sesebuah karya itu dapat dilihat melalui perwatakan kegagahan, menegakkan kebenaran, menegakkan keadilan, memenuhi janji, sifat tolong-menolong, nilai pengampun, nilai pemurah dan menghormati orang lain (Ismail Hamid 1990). Kandungan jurnal ini boleh dijadikan sebagai sokongan dan hujah kepada pengkaji dalam menulis kandungan kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian bertujuan bagi menerangkan tentang kaedah kajian yang dijalankan oleh pengkaji dalam proses mengumpul maklumat. Sarjana barat juga menerangkan bahawa metodologi adalah satu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data (Cohen L dan L. Manion 1996). Data yang dikumpul digunakan sebagai asas rujukan secara sistematis bagi

menjadikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna. Bagi melaksanakan kajian ini dengan lebih efektif, terdapat beberapa pendekatan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua kajian yang biasa dilakukan oleh penyelidik antaranya kajian bersifat kuantitatif dan kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji memilih pendekatan kajian kualitatif yang dilihat lebih sesuai dan sejajar dengan kerangka teori, tujuan dan objektif kajian.

Dalam kajian kualitatif, reka bentuk kajian yang digunakan mestilah sejajar dengan objektif kajian dan boleh menjawab soalan kajian. Kaedah kajian yang digunakan juga mesti dapat membuktikan kesahihan atau menolak sesuatu teori. Kaedah kajian yang tidak boleh menjawab soalan kajian adalah kaedah yang terpesong.

REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian kualitatif, menurut Ghazali dan Sufean (2016) terdapat 25 jenis reka bentuk penyelidikan kualitatif yang digunakan oleh penyelidik dalam proses melaksanakan kajian. Antara 25 jenis reka bentuk penyelidikan kualitatif tersebut termasuklah kajian sejarah, kajian antropologi, kajian lapangan, kajian etnografi, kajian kes, kajian teori, dan kajian analisis. Antara reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian analisis.

Kaedah kajian analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui analisis teks sastera. Teks sastera yang digunakan adalah berteraskan teks sastera *Hikayat Hang Tuah*. Hasil daripada pembacaan dan penelitian manuskrip lama atau epik karya agung *Hikayat Hang Tuah*, pengkaji menganalisis maklumat dan fakta yang terdapat dalam teks karya tersebut.

Sebagai contoh kaedah kajian analisis teks yang dilakukan dalam kajian ini adalah melalui pembacaan *Hikayat Hang Tuah* selenggaraan Kassim Ahmad sebagai sumber utama. Manakala rujukan buku, jurnal dan kertas kerja juga dilakukan sebagai sokongan melalui kajian perpustakaan sebagai sumber kedua. Reka bentuk kajian ini digunakan bagi menganalisis dan mendapatkan maklumat mengenai ketepatan budaya berkaitan adab kehidupan masyarakat Melayu lama yang wujud pada zaman kesultanan Melayu Melaka berdasarkan isi kandungan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Pengkaji juga menggunakan teori kajian budaya sebagai sandaran dalam proses menganalisis teks tersebut. Hasil daripada data yang diperoleh dan dikumpul secara tidak langsung dapat membantu

dalam melakukan kajian dengan maklumat yang sahih dan tepat.

Kajian kualitatif yang menganalisis unsur adab dalam teks dilihat sejajar dengan prinsip teori kajian budaya itu yang melihat aspek tingkah laku atau adab dan boleh menjawab soalan-soalan kajian. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk memberi penerangan kepada masyarakat tentang bagaimana amalan adab masyarakat Melayu yang wujud dalam teks *Hikayat Hang Tuah*.

TEORI KAJIAN BUDAYA (CULTURAL STUDIES THEORY)

Aplikasi teori biasanya dijadikan sebagai rujukan dan sokongan dalam melakukan sesuatu penyelidikan. Pengkaji memilih menggunakan teori kajian budaya sebagai sokongan dan hujah dalam kajian ini. Teori ini dilihat sesuai dengan kajian yang dijalankan berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif iaitu satu kajian teks berkaitan epik sastera *Hikayat Hang Tuah*.

Teori kajian budaya atau *cultural studies theory* merupakan teori yang dikatakan berkembang selepas teori historisme baru (Mana Sikana 2012). Teori ini dikelompokkan sebagai teori yang mengkaji atau menganalisis teks-teks sastera yang melihat hubungan, peranan dan fungsinya kepada pembaca.

Mana Sikana (2012) menjelaskan bahawa teori kajian budaya juga bermaksud satu usaha pembaca untuk melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan sosial, politik, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap pembacaan sesebuah teks sastera. Teori ini secara jelas melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan pembentukan individu dan peranannya dalam pembentukan masyarakat. Justeru, teori ini mempunyai persamaan luasnya dengan pengertian budaya. Sebagaimana pengasas teori budaya Alan Sinfield (1992; dalam Mana Sikana 2012) menyatakan bahawa teori budaya mengkaji segala tindakan manusia dan membentuk masyarakatnya.

Edward B. Taylor (1871; dalam Mana Sikana 2012) telah mentakrifkan budaya merupakan satu keseluruhan yang kompleks mengandungi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat dan kebolehan serta tabiat lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Teori kajian budaya ini muncul dan berasal daripada pemikiran sastera dan cara kritikan yang digunakan oleh Raymond Williams. Tidak seperti teori historisme yang lebih cenderung menggunakan

pemikiran Foucault tentang konsep sejarah dan kekuasaannya. Pemikiran Raymonds William yang sangat berminat dengan sastera dan kritikan sastera telah melahirkan teori kajian budaya. Dalam kajian beliau, pemikiran dan analisisnya adalah berasaskan bacaannya kepada teks-teks sastera.

Oleh itu, jelas dapat disimpulkan teori kajian budaya telah memberi ruang kepada satu kajian budaya yang lebih mendalam, dan menyeluruh terhadap teks-teks sastera. Sebagaimana Mana Sikana (2012) menjelaskan teori kajian budaya mengkaji teks-teks sastera daripada sudut budaya dan hubungannya dengan budaya material. Teori kajian budaya ini juga sangat menyanjung teks-teks yang menggambarkan perjuangan individu atau masyarakat dalam membina peradaban yang sempurna.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian dilihat berjaya diperoleh dalam kajian ini berdasarkan pembacaan keseluruhan teks *Hikayat Hang Tuah*. Terlalu banyak unsur yang boleh diperbincangkan berdasarkan kandungan teks hikayat tersebut. Sebagai contoh unsur berupa adab, adat, gaya bahasa klasik, watak, cara hidup, peradaban dan corak ketamadunan dahulu kala. Kandungan ini boleh dibahaskan secara lebih fokus dan panjang lebar setelah kita memahami dan menilai kandungan teks hikayat tersebut. Pengajaran dan pedoman terlalu banyak boleh diambil kira sebagai panduan generasi kini.

Penemuan kajian mendapati hasil penelitian daripada teks *Hikayat Hang Tuah*, akan dibahaskan dalam bab ini adalah mengenai unsur-unsur adab dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Sebagaimana kehendak objektif kajian, terdapat beberapa unsur amalan yang wujud dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Unsur ini akan dibahaskan secara lebih fokus dan mendalam agar kita lebih mengenali cara bertingkah laku asal usul orang Melayu kita. Unsur adab yang didapati adalah unsur adab masyarakat Melayu lama daripada aspek sosial.

UNSUR ADAB DALAM TEKS HIKAYAT HANG TUAH

1. Adab dalam Sosial

Sosial adalah merujuk kepada hal-hal berkaitan masyarakat atau lebih mudah dikenali sebagai kemasyarakatan. Sosial juga boleh digambarkan sebagai segala perkara yang berhubungan

dengan manusia dalam masyarakat. Perkara ini merangkumi cara kehidupan sesuatu bangsa atau keadaan. Sebagaimana setelah melihat cara sosial atau masyarakat orang kaya, orang miskin, orang bandar, orang luar bandar, orang terdahulu, orang moden dan seumpamanya. Apabila menyebut pula mengenai adab bersosial maka secara tidak langsung akan mengetahui bahawa adab bersosial bermaksud tingkah laku dalam bermasyarakat. Ataupun lebih tepat cara bertingkah laku atau amalan hidup dalam bermasyarakat.

Justeru, berdasarkan aspek kajian pengkaji cuba menghuraikan adab sosial yang wujud dalam masyarakat Melayu lama yang terdapat dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Hasil kajian mendapati terdapat banyak unsur adab bersosial yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu yang boleh dijadikan sebagai panduan dan ikutan kepada masyarakat. Cara bersosial orang Melayu terdahulu telah dirakamkan dalam teks tersebut tentang bagaimana amalan orang terdahulu dalam kehidupan sehari-hari. Adab bersosial orang Melayu terdahulu di sini merangkumi pelbagai cara kehidupan seperti cinta kepada ilmu, hormat tetamu dan taat kepada ibubapa.

2. Cinta Ilmu

Kandungan teks *Hikayat Hang Tuah* ada merakamkan peristiwa bagaimana Hang Tuah atau orang Melayu terdahulu begitu menjaga adab dalam menuntut ilmu. Sebagaimana Hang Tuah sendiri merupakan seorang pejuang atau hulubalang yang dilihat amat mencintai ilmu dengan watak beliau dalam hikayat tersebut menceritakan beliau mahir dalam pelbagai ilmu merangkumi ilmu bahasa, agama, firasat dan seni pertahan diri.

Sifat Hang Tuah sebagai pencinta ilmu digambarkan sejak kecil lagi, sebagaimana kandungan teks hikayat tersebut ada menceritakan:

.. Maka Hang Tuah mengaji nahu pula. Telah sudah tamat pengajiannya, maka dia berkata kepada bapanya. "Ayo bapaku, pada bicara hamba, hendak mengaji pada lebai keling pula, supaya hamba tahu pula bahasanya." Maka kata Hang Mahmud, " Benarlah seperti bicara anakku itu." Maka Hang Tuah pun mengajilah pula pada seorang lebai keling. Hatta berapa lamanya, maka tamatlah dengan bahasa keling itu, habislah diketahuinya. Maka Hang Tuah pun berkata pada bapanya hendak mengaji pada lebai siam pula supaya diketahuilah akan bahasanya. Setelah sudah diketahui akan bahasa siam itu, maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai cina. Dengan tiada berapa lamanya maka ia pun tamatlah mengaji bahasa cina itu. Maka Hang Tuah pun mengaji pula pada lebai Jawa hendak diketahuinya akan bahasa Jawa itu. Kalakian, setelah

habislah rata diketahui dua belas bahasa itu, maka Hang Tuah pun pulanglah ke rumahnya....

(Abu Hassan Sham, 1974: 24)

Kecintaan Hang Tuah pada ilmu dilihat berdasarkan kebolehan beliau menuturkan sehingga dua belas bahasa dan mahir ilmu al-Quran dan nahu. Ini membuktikan kewibawaan masyarakat Melayu terdahulu. Adab dalam menuntut ilmu ini ditonjolkan bagaimana Hang Tuah menuntut pelbagai ilmu sehingga habis pengajian dan sikap beliau sentiasa dahagakan ilmu dan sering tidak merasakan cukup dalam mendapatkan ilmu.

Begitu juga ilmu beliau dalam seni mempertahankan diri, sejarah Melayu sering membuktikan kewibawaan Hang Tuah yang mahir dalam ilmu silat dan firasat, malah dikhabarkan pernah menentang ramai penjahat dengan begitu mudah sekali. Sebagaimana teks hikayat ini banyak menceritakan perjuangan Hang Tuah lima bersaudara menentang ramai penjahat luar yang menghuru-harakan keamanan di negeri Melaka. Direkodkan juga dalam hikayat ini berlakunya pertarungan antara Hang Tuah dengan Taming Sari di Majapahit. Ketika mana rombongan dari Melaka ke Majapahit, hulubalang Melaka dicabar ilmu kepahlawanannya oleh Taming Sari. Begitu juga kisah pertarungan Hang Tuah dengan Sang Marga di Melaka dan juga pertarungan Hang Jebat dengan Megat Ali di Inderapura (Pahang). Ini membuktikan ketinggian ilmu yang dimiliki oleh orang Melayu dalam seni mempertahankan diri.

Ketinggian ilmu seni bela diri dalam masyarakat Melayu terdahulu jelas digambarkan dalam hikayat ini, hampir kebanyakan orang terdahulu tahu ilmu bela diri. Sebagaimana digambarkan dalam teks hikayat ini:

.....Maka segala raja-raja pun bemainlah terlalu ramai masing-masing pada tahunnya: ada yang bermain tombak, ada yang bermain dadap, ada yang bermain tandak, ada yang bermain berakat, ada yang bermain wayang, terlalu ramai orang yang bermain itu. Maka penjurit itu pun mengambil tombaknya lalu turun bermain, maka segala priayi yang bermain itu semuanya itu berhenti, kerana ia tahu akan penjurit itu pandai bermain tombak: tiada berlawan di tanah Majapahit itu, dan lagi guru daripada segala pegawai dan priayi. Maka penjurit itu pun bemainlah seperti tiada berjijak di bumi lakunya....

(Abu Hassan Sham, 1974: 150)

Cerita ini memperlihatkan ketinggian ilmu masyarakat Melayu lama dalam ilmu peperangan. Ini membuktikan empayar Melayu terdahulu sangat tersohor dalam aspek ketenteraan sehingga digeruni

oleh negara luar. Ini juga membuktikan pahlawan Melayu Hang Tuah lima bersaudara mempunyai ilmu hulubalang atau ilmu seni bela diri yang tinggi.

Nilai cinta ilmu yang diamalkan masyarakat Melayu terdahulu dilihat menjadi satu budaya dalam masyarakat Melayu ketika itu. Ini berdasarkan bukti dalam teks yang menceritakan orang Melayu terdahulu mempunyai banyak ilmu dalam pelbagai bidang. Ini merupakan satu budaya baik yang mesti menjadi panduan buat generasi kini. Hasil kajian mendapati sikap mencintai ilmu itu merupakan adab atau tingkah laku yang menjadi kebiasaan diamalkan oleh masyarakat Melayu lama. Berdasarkan prinsip teori kajian budaya itu yang melihat konsep adab atau tingkah laku dalam mengkaji sesebuah budaya, maka sikap mencintai ilmu yang diamalkan telah menjadi budaya dalam masyarakat Melayu terdahulu.

3. Hormat Tetamu

Orang Melayu terkenal dengan nilai kesopanan yang tinggi dalam melayan tetamu atau menerima undangan tetamu di rumah. Keseluruhan teks ini menceritakan bagaimana sopannya orang Melayu terdahulu menerima undangan tetamu tanpa mengira latar belakang tetamu tersebut. Sekalipun tetamu yang hadir itu adalah musuh seteru yang berniat jahat. Ini merupakan sikap santun orang Melayu yang wajib diwarisi sehingga kini. Begitu juga sikap orang Melayu terdahulu apabila menerima undangan tetamu luar di pelabuhan pasti akan disambut dengan paluan gendang oleh penjaga pelabuhan sebelum dikhabarkan kepada raja.

Inikan pula tetamu saudara seagama dan sebangsa yang berkunjung di rumah sendiri. Sebagaimana teks hikayat ini memberi gambaran begitu rendah dirinya orang Melayu terdahulu sebagaimana Sang Aria Putera yang merupakan guru kepada Hang Tuah lima bersaudara dalam ilmu hulubalang. Beliau menerima undangan Hang Tuah lima bersaudara ke rumahnya dengan memberi layanan yang baik istimewa. Sebagaimana teks ini ada menceritakan keadaan tersebut:

.....Maka dilihat oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu satu hidangan datang-datang terletak di hadapan Sang Aria Putera itu. Maka kata Sang Aria Putera, "Hai cucuku kelima, makanlah barang yang hadirnya, kerana aku orang miskin." Maka kata Hang Tuah pun menyembah, seraya dibukanya hidangan itu dilihat nya di dalam hidangan itu lengkap pelbagai nikmat.

(Abu Hassan Sham, 1974: 31)

Gambaran ini memberi pengajaran kepada kita begitu rendah diri seorang guru terhadap muridnya dengan melayan muridnya sebagai tetamu dengan hidangan yang pelbagai nikmat. Ini merupakan satu sikap yang perlu kita contoh dalam menjaga tetamu tidak mengira siapa undangan tetamu kita sama ada guru kita, sahabat kita sekalipun murid kita yang darjatnya dianggap lebih rendah daripada kita.

Begitu juga gambaran tentang bagaimana masyarakat Melayu terdahulu menerima undangan tetamu dari negeri luar dengan layanan yang baik dan istimewa. Sebagaimana kandungan teks menceritakan bagaimana Adipati Palembang mengalukan kedatangan Raden Wira Nantaja ke Palembang:

.....Berapa lamanya maka sampailah ke Palembang. Maka Adipati Palembang pun keluarlah dengan persembahnya dan segala orang besar-besarnya mengalu-alukan Raden Wira Nantaja.....

(Abu Hassan Sham 1974: 55)

Ketika mana Raden Wira Nantaja sampai ke pelabuhan kapal di Palembang, sudah menjadi adat kebiasaan disambut oleh adipati Palembang dengan paluan gendang dan akan dipersembahkan segala orang besar-besar bagi mengalu-alukan kedatangan. Ini merupakan sikap yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu dalam menerima undangan tetamu.

Hampir kebanyakan teks hikayat ini menceritakan perihal adab dalam menerima kunjungan tetamu. Secara tidak langsung ini memberi pengajaran dan gambaran kepada masyarakat Melayu kini mengenai kesantunan melayan tetamu yang diamalkan oleh nenek moyang terdahulu. Sikap sebegini yang menjadikan masyarakat Melayu terdahulu boleh dianggap telah mencapai nilai peradaban yang tinggi dan luhur.

Adab sebegini dilihat telah menjadi satu budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Hasil analisis mendapati budaya melayan tetamu ini dipengaruhi oleh unsur Islam yang mengajar untuk memberi layanan yang baik kepada tetamu. Teori kajian budaya melihat tingkah laku atau adab ini telah menjadi tabiat kebiasaan yang sering diamalkan dalam masyarakat Melayu. Jadi adab menghormati tetamu juga telah menjadi satu budaya dalam masyarakat Melayu sehingga hari ini.

4. Taat dan Hormat Ibu-Bapa

Islam menggariskan panduan kepada penganutnya dalam menjaga hubungan sesama manusia. Begitu

juga dalam soal ketaatan dan hormat seorang anak kepada kedua orang tua mereka. Dalam urusan ketaatan kepada ibu bapa selagi mana tidak melanggar hukum syarak perkara ini adalah wajib. Islam begitu menekankan dalam aspek hormat kepada ibu bapa sehingga Islam menjelaskan bahawa keredaan Allah terhadap seseorang Muslim itu adalah terletak pada keredaan kedua ibu bapanya. Hal ini jelas menunjukkan pentingnya adab seseorang Muslim itu dalam mentaati dan hormat kepada ibu bapa mereka.

Dalam sejarah Melayu terdahulu, telah digambarkan dalam teks *Hikayat Hang Tuah* yang menceritakan mengenai sikap masyarakat Melayu Hang Tuah yang begitu menjaga adab sopan dan nilai ketaatan beliau terhadap ibu bapa. Ini tergambar dalam teks hikayat ini yang menceritakan bagaimana Hang Tuah lima bersaudara ingin keluar berguru ilmu hulubalang dengan guru mereka Aria Putera. Sikap yang ditonjolkan dalam teks ini adalah bagaimana Hang Tuah lima bersaudara meminta keizinan daripada kedua orang tua mereka sebelum mereka keluar untuk berguru mencari ilmu. Ini merupakan satu amalan atau adab yang boleh dicontohi. Sebagaimana keadaan ini ada diceritakan dalam hikayat ini:

....Maka Hang Tuah pun berkata pada Hang Kasturi dan segala sahabatnya, "Hai saudaraku keempat, baiklah kita kelima mari kita pergi berguru. Ada seorang di bukit ini, ia bertapa Aria Putera namanya. Adapun kita ini pada firasat orang tua tua akan menjadi hulubalang di tanah Melayu. Maka kata Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Baiklah." Maka kelimanya pun ber lengkaplah akan berjalan dan bermohon kepada ibu bapanya, lalu berjalan.....

(Abu Hassan Sham, 1974: 31)

Banyak digambarkan dalam hikayat ini berkaitan nilai ketaatan dan hormat masyarakat Melayu terdahulu terhadap ibu bapa atau orang yang lebih tua. Sebagaimana juga direkodkan mengenai perkahwinan yang berlaku dalam kalangan pembesar istana. Kebanyakan mereka mentaati calon daripada perkenan kedua orang tua mereka terlebih dahulu. Sebagaimana perkahwinan yang berlaku antara Sultan Mahmud anak lelaki Raja Melaka dengan puteri Terengganu Puteri Sekanda Jaya.

Ini jelas memberi gambaran bahawa bagaimana hormatnya orang Melayu terhadap ibu bapa mereka dalam banyak perkara. Adab yang ditunjukkan ini sebagai pengajaran kepada kita masyarakat Melayu untuk menghormati dan taat kepada ibu bapa. Taat dan hormat kepada ibu-bapa telah sekian lama menjadi budaya dalam tradisi masyarakat Melayu.

Ini berdasarkan kandungan teks hikayat ini yang banyak menceritakan mengenai sifat masyarakat Melayu yang sangat menghormati ibu-bapa. Budaya ini dilihat berlaku akibat daripada pengaruh ajaran agama Islam dan juga merupakan amalan tradisi masyarakat Melayu itu sendiri. Hasil analisis mendapati adab ini menjadi budaya orang Melayu seiring dengan kehendak teori kajian budaya yang melihat prinsip tingkah laku yang diamalkan dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Kegemilangan kesultanan Melayu Melaka tidak pernah lenyap dalam catatan sejarah. Pengkaji sejarah dan sastera sama ada pengkaji tempatan ataupun luar sering membahaskan dan memperincikan berkaitan sejarah masyarakat Melayu. Ini kerana rekod lampau mengenai sebuah empayar kerajaan Melayu yang wujud masih ada dan terpelihara sehingga abad generasi kini. Sumber-sumber sejarah, manuskrip, hikayat lama, artifak, dokumen atau surat lama masih boleh dikaji isi kandungannya. Maka selayaknya sumber ini dipelihara dan sewajarnya kajian mengenai kesultanan Melayu terdahulu harus disambung dan pembacaannya agar tersemat dalam jiwa generasi abad ini.

Sebagaimana negara luar begitu menyanjungi sejarah keagungan dan sastera mereka. Maka selayaknya bagi kita menyanjungi sejarah dan sastera keturunan kita sendiri. Maka amat malanglah bagi kita jika wujud sesetengah daripada masyarakat kita yang tidak mengambil tahu mengenai sejarah bangsanya sendiri. Tidak pernah mengenal erti kemajuan dan kegemilangan, tidak pernah kenal erti kuasa dan empayar, tidak pernah tahu kegemilangan orang Melayu terdahulu maka di mana pedoman dan pengajaran yang boleh dijadikan tauladan memajukan bangsa sendiri. Jika masyarakat sebegini wujud, akan tiba masanya negara yang berdaulat ini akan dijahah kembali.

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 1974. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
 Cohen L, L. Manion and Morrison K. 2000. *Research Methods in Education* (fifth edition). London: RoutledgeFalmer.
 Ghazali & Sufean. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
 Hanapi Dollah. 2004. *Erik Melayu Suatu Kajian Naskhah*. Dalam Rogayah A. Halim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Haron Daud. 2001. Kembalikan Hang Tuah ke Tempatnya. *Jurnal Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategies Studies* 28: 107-122.
- Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin. 2015. *Hang Tuah Catatan Okinawa*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. 1990. *Asas Kesusastraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manan Sikana. 2012. *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. 2005. *Peradaban Melayu*. Johor: UTM Skudai.
- Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi. 2012. *Adab dan Peradaban Karya Pengiktirafan untuk Syed Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Rogayah A. Halim dan Mariyam Salim. 2004. *Epic Melayu Suatu Kajian Naskhah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Marlina Tengku Mohd Ali. 2013. Simbol Kebesaran Daulat, Mahkota dan Keris Dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu* 6(2).

Mohd Rosli bin Saludin (Ph.D)
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor.
E-mel: dmohdroslisaludin@gmail.com

Muhammad Sufi bin Ahmad Nazri
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900, Tanjung Malim
Perak Malaysia.
E-mel: ibnahmadnazri@gmail.com

Diserahkan: 19 Jun 2020
Diterima: 26 Ogos 2020